

Zuhal: Planet yang Dihiasi Ge gelang

written by Hazrul | 07/06/2023

Daripada segi perbandingan saiz, sembilan buah [Bumi](#) yang diletak bersebelahan antara satu sama lain hampir menjangkau diameter Zuhal; itu tidak termasuk gegelang planet ini.

Zuhal adalah planet keenam dan mengorbit pada jarak kira-kira 886 juta batu (1.4 bilion kilometer) dari [Matahari](#). Planet ini sama seperti Musytari, mempunyai hari yang pendek tetapi tahun yang panjang. Zuhal mengambil masa kira-kira 10.7 jam untuk berputar pada paksinya sekali dan mengambil masa 29 tahun Bumi untuk melengkapkan satu putaran mengorbit matahari. Zuhal adalah planet gergasi gas. Oleh itu, planet ini tidak mempunyai permukaan pepejal seperti Bumi.

Planet ini mempunyai udara yang panas kerana atmosfera Zuhal kebanyakannya terdiri daripada [hidrogen](#) (H₂) dan [helium](#) (He). Zuhal seakan-akan menyamai sistem suria mini kerana Zuhal mempunyai 53 bulan yang telah diketahui dengan tambahan 29 bulan yang masih menunggu disahkan penemuan mereka - dengan jumlah 82 bulan.

Zuhal seperti mana yang kita sedia maklum mempunyai sistem gegelang yang paling menakjubkan dalam kalangan semua planet di sistem suria, mempunyai tujuh gegelang dan ruang dan pembahagian di antara gegelang tersebut.

Beberapa misi kapal angkasa setakat ini telah melawat Zuhal, antaranya [Pioneer 11](#), [Voyager 1](#) dan [Voyager 2](#) yang membuat terbang lintas di planet ini. Manakala, kapal angkasa [Cassini](#) telah mengorbit Zuhal sebanyak 294 kali bermula dari tahun 2004 hingga 2017.

Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, Saturn.

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, dan di Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.